

**AMALAN PENERAPAN ELEMEN MOTIVASI DALAM PENYEDIAAN
RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)
GURU SEKOLAH RENDAH**

**[THE PRACTICE OF APPLYING MOTIVATIONAL ELEMENTS
IN THE PREPARATION OF DAILY LESSON PLANS (RPH)
OF PRIMARY SCHOOL TEACHERS]**

JONANE ISMAIL¹ & NOR ASNIZA ISHAK^{1*}

1 Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA
E-mail: jonaneismail@student.usm.my; asnizaishak@usm.my

Corresponding author: asnizaishak@usm.my

Received: 2 October 2025 | Accepted: 20 October 2025 | Published: 24 November 2025

Abstrak: Kajian ini bertujuan meneliti amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) oleh guru sekolah rendah di negeri Perak. Reka bentuk penyelidikan campuran digunakan bagi menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap fenomena yang dikaji. Seramai 377 guru terlibat dalam kajian kuantitatif, manakala lima guru dipilih untuk temu bual mendalam. Dapatan menunjukkan tahap pengetahuan dan amalan guru terhadap elemen motivasi berada pada tahap tinggi. Hubungan positif signifikan ditemui antara pengetahuan dan amalan guru dalam penerapan elemen motivasi. Ujian ANOVA dan ujian-t menunjukkan tiada perbezaan signifikan berdasarkan mata pelajaran dan lokasi sekolah. Analisis tematik menemukan empat tema utama: (i) objektif pembelajaran yang memotivasikan, (ii) aktiviti pembelajaran menyeronokkan, (iii) penilaian menyokong motivasi, dan (iv) persekitaran bilik darjah kondusif. Kajian mencadangkan latihan berterusan (CPD) diperhebat bagi meningkatkan kecekapan guru menerapkan motivasi dalam RPH.

Kata Kunci: amalan penerapan motivasi, Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

Abstract: This study aimed to examine the practice of applying motivational elements in the preparation of Daily Lesson Plans (RPH) among primary school teachers in Perak, Malaysia. A mixed-method design combining quantitative and qualitative approaches was employed to provide a comprehensive understanding of the phenomenon. A total of 377 teachers participated in the quantitative phase, while five teachers were involved in in-depth interviews. Findings revealed that teachers demonstrated high levels of knowledge and practice in applying motivational elements. Correlation analysis showed a significant positive relationship between teachers' knowledge and their application in lesson planning. No significant differences were found based on subject or school location. Thematic analysis identified four themes: motivational objectives, engaging activities, supportive assessment, and conducive classroom environment. The study recommends strengthening continuous professional development (CPD) to enhance teachers' ability to integrate motivation in lesson planning.

Kata kunci: motivational elements practice, Daily Lesson Plan (RPH)

Cite This Article: Jonane Ismail & Nor Asniza Ishak. 2025. Amalan Penerapan Elemen Motivasi dalam Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Guru Sekolah Rendah [The Practice of Applying Motivational Elements in The Preparation of Daily Lesson Plans (RPH) of Primary School Teachers]. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 5(4), 52-68.

INTRODUCTION

Latar Belakang dan Objektif Kajian

Kualiti guru adalah penting untuk mencapai hasrat murni negara dalam Dasar Pendidikan Negara di Malaysia (Hayati, 2017). Kualiti guru boleh dimantapkan dengan memperhalusi penyediaan RPH yang merupakan rekod catatan pelaksanaan PdPc guru-guru di negara ini.

Kajian ini dilakukan supaya guru-guru bukan sahaja menyampaikan pelajaran tetapi perlu merangsang dan meningkatkan keinginan murid-murid untuk belajar. Menurut Coombs (2010) guru perlu mempunyai kesediaan, membina minat, meningkatkan minat, mengekalkan fokus murid-murid serta menguruskan keperluan dan gangguan.

Oleh itu, objektif kajian yang pertama adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) guru di sekolah rendah. Seterusnya, objektif kedua untuk mengkaji tahap amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi guru di sekolah rendah. Objektif ketiga adalah untuk mengkaji perhubungan diantara pengetahuan elemen motivasi dengan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan RPH bagi guru sekolah rendah. Manakala objektif keempat adalah untuk mengkaji perbezaan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi guru sekolah rendah berdasarkan mata pelajaran yang diajar. Objektif kajian kelima adalah untuk mengkaji perbezaan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi guru sekolah rendah berdasarkan lokasi sekolah. Objektif akhir kajian adalah untuk mengkaji cara-cara guru sekolah rendah menerap amalan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) berdasarkan mata pelajaran dan lokasi sekolah.

PERNYATAAN MASALAH

Cabaran dalam bidang pendidikan pada masa kini adalah wabak Covid – 19 yang telah menjejaskan waktu pembelajaran murid-murid di sekolah. Kesannya banyak sukatan pembelajaran yang tidak dapat diselesaikan (Hazhari Ismail, 2021). Akhirnya, sekolah-sekolah rendah berdepan dengan pelbagai masalah pembelajaran terutamanya peningkatan buta membaca, menulis dan mengira (Buta 3M) (Hazhari Ismail, 2021).

Menurut Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bahawa masalah jurang ekonomi merupakan salah satu daripada masalah gangguan pembelajaran (Hazaari, 2021). Oleh sebab itu, elemen motivasi perlu seiring dengan proses PdPc supaya murid-murid bermotivasi untuk belajar dalam pelbagai situasi yang mencabar.

Definisi Motivasi

Istilah Motivasi berasal daripada perkataan Latin iaitu *Movere* yang bermaksud bergerak. Secara am, motivasi berasal dari perkataan motif yang bermaksud ‘menggerakkan’. Dengan itu, motivasi adalah sesuatu yang menggerakkan kita untuk mengambil sesuatu tindakan (Ahmad Subki & Syed Ismail, 2013). Sementara itu, dalam Bahasa Inggeris iaitu *motivate* yang bererti dorongan. Oleh yang demikian, motivasi merupakan keinginan keras yang telah mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku.

Kajian Elemen Motivasi dalam Perancangan Pengajaran

Menurut Noraini Idris (2021) elemen motivasi memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Motivasi dalam aspek pengajaran membantu meningkatkan kualiti kerja guru. Manakala dalam aspek pembelajaran murid-murid yang bermotivasi berminat untuk belajar, mendengar dan memberi perhatian terhadap pelajaran. Ajilin Tawan et al. (2020) menyatakan bahawa tugas dan tanggungjawab guru di sekolah bukan hanya tugas akademik sahaja tetapi juga tugas bukan akademik. Oleh itu, wujudnya hubungan yang ketara antara motivasi dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh setiap guru di sekolah. Elemen motivasi seterusnya, guru perlu kenal pasti dan mengurus keperluan asas murid-murid. Coombs (2010) menyatakan bahawa suatu bilik darjah itu selalunya dipenuhi bermacam-macam manusia yang perlu diiktiraf dan mempunyai keperluan masing-masing yang perlu dipenuhi.

Kajian Lepas Berkaitan Psikologi Pendidikan

Khairiyah (2012) berfokuskan konsep motivasi dan jenis-jenis motivasi. Beliau telah menyenaraikan beberapa ciri-ciri motivasi agar para guru lebih memahami keberkesanan motivasi kepada murid-murid. Antara perkara yang beliau tekankan adalah motivasi tidak wujud secara semulajadi dan tidak diwarisi. Kumar (2015), menyatakan bahawa murid-murid yang berada dibangku sekolah juga berdepan dengan pelbagai masalah seperti tekanan kewangan, adaptasi dengan rakan sebaya, kesunyian dan disiplin. Pelbagai masalah tersebut menimbulkan sikap lebih menentang apabila tidak diselesaikan secara yang sesuai.

Kajian Lepas Berkaitan Kearifan Profesional Guru

Rohani (2015) melalui kajiannya tentang Kearifan Profesional Guru Dalam Menerapkan Kemahiran Insaniah di Dalam Bilik Darjah berpendapat bahawa perlaksanaan PdPc perlu diperhalusi agar lebih berkesan. Inovasi diperlukan untuk kebaikan manusia sejagat dan memenuhi perkembangan pendidikan global, keperluan tenaga mahir, perkembangan sains dan teknologi. Oleh itu, mereka telah menggariskan bahawa inovasi dalam pendidikan boleh dilakukan melalui teknologi baharu, bahan bantu mengajar, pendekatan pengajaran dan prosedur kerja (Maszuria et al., 2014).

TEORI PEMBELAJARAN SOSIAL

Teori Pembelajaran Sosial juga dikenali sebagai *Neobehavioris* iaitu gabungan aliran pemikiran *behavioris* dengan kognitif. Bandura (1963) berpendapat bahawa suatu proses pembelajaran meliputi tingkah laku dan pemikiran. Bandura dan Walters telah mewujudkan Model *Dertminisme* Timbal Balik menyifatkan bahawa keadaan individu sebagai motivasi intrinsik, persekitaran sebagai rangsangan luaran (ekstrinsik) dan tingkah laku sebagai tindak balas yang berlaku.

KERANGKA TEORI KAJIAN

Menurut Thorndike guru-guru perlu mempunyai kesediaan seperti kesedaran psikomotor, kesediaan afektif dan kesediaan kognitif. Selain itu, seorang guru juga perlu mempunyai kesediaan dari segi fizikal, kognitif, emosi dan sosial (Ahmad Subki & Ismail, 2013). Rutin tugas harian guru seperti merancang kemahiran, penggunaan bahan bantu mengajar, pengurusan kelas, set induksi, aktiviti pengajaran dan aktiviti penutup perlu seiring dengan unsur-unsur motivasi.

KERANGKA KONSEP KAJIAN

Amalan Penerapan Elemen Motivasi Dalam Pengajaran

Seorang guru perlu mempunyai kesediaan dalam memahami dengan teliti sesuatu sukatan pelajaran atau kemahiran. Seterusnya, murid-murid mempunyai tiga kesediaan iaitu kognitif, afektif dan psikomotor untuk disesuaikan dengan keupayaan semasa PdPc (Soon, 2010). Elemen motivasi yang berupaya membina minat murid-murid seperti interaksi yang sihat perlu diwujudkan oleh guru dalam ruang bilik darjah (Kumar, 2015). Komunikasi yang mesra atau *rapport* berupaya meningkatkan motivasi murid-murid (Md.Taib Mat & Jasmi Bahrim, 2021).

Meningkatkan minat murid-murid juga perlu untuk mewujudkan persaingan yang sihat. Penyampaian seorang guru semasa PdPc perlu jelas, tidak terlalu cepat dan perlu pengulangan penyampaian. Dengan itu, guru perlu merancang aktiviti pembelajaran yang melibatkan semua murid (Md. Taib Mat & Jasmi Bahrim, 2021). Guru perlu mengekalkan fokus murid dengan memberi bimbingan berterusan kepada murid-murid secara individu atau berkumpulan. Aspek-aspek teknik penyoalan perlu diterapkan juga sebagai elemen yang berupaya mengekalkan fokus murid-murid.

Seterusnya, guru perlu peka dengan kenal pasti keperluan murid-murid dalam kelas. Guru perlu prihatin terhadap profil dan latar belakang yang membentuk halangan kepada murid-murid. Akhir sekali, guru juga perlu kenal pasti dan mengurus gangguan yang timbul semasa PdPc. Gangguan semasa proses PdPc selalu berlaku kerana terdapat murid-murid yang lemah menguruskan emosi dan memerlukan masa untuk berasa selesa dengan persekitaran kelas dan rakan sebaya.

Elemen Motivasi dalam Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

Amalan penerapan elemen motivasi perlu diserapkan di dalam Kurikulum Keguruan dan kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Menurut Aziz (2019) terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kurikulum antaranya perubahan masyarakat, perubahan ekonomi, perubahan institusi keluarga dan kepelbagaian budaya.

METODOLOGI KAJIAN

Pendahuluan

Kajian penyelidikan campuran merupakan metodologi yang tepat untuk kajian ini. Bidang kajian kuantitatif berupaya melakukan pengukuran terhadap sesuatu fenomena kajian. Demikian juga penyelidikan kualitatif, mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana mempunyai etika dalam proses kajian.

Reka Bentuk Kajian

Pendekatan kuantitatif melibatkan penggunaan borang soal selidik, manakala pendekatan kualitatif menggunakan temu bual separa berstruktur. Data kuantitatif bertujuan menentukan tahap pengetahuan dan amalan guru serta hubungan antara keduanya, manakala data kualitatif memperkukuh pemahaman tentang pengalaman sebenar guru dalam menerapkan motivasi dalam RPH.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dan sampel Kajian Kuantitatif

Kajian Kuantitatif ini telah menggunakan teknik rawak kelompok (*Cluster Sampling*) kerana mempunyai keluasan kawasan kajian yang besar (Muknim Ulya, 2016). Jumlah guru ialah $n = 377$ dengan melibatkan 34 buah sekolah bandar dan luar bandar dalam negeri Perak.

Populasi dan Sampel Kajian Kualitatif

Kajian Kualitatif telah menggunakan pensampelan secara bertujuan mengikut kriteria yang ditetapkan penyelidik. Menurut Creswell (2018) pensampelan variasi maksimum adalah sangat berguna kerana pensampelan terdiri daripada individu yang mempunyai latar yang mewakili perbezaan atau kepelbagaian dalam fenomena yang dikaji.

Instrumen Kajian

Kajian Kuantitatif ini diadaptasi daripada bentuk soalan tertutup *Likert-type items* (Chua, 2020) iaitu setiap soalan mempunyai pilihan jawapan 1. Sangat tidak setuju, 2. Tidak setuju, 3. Tidak pasti, 4. Setuju dan 5. Sangat setuju. Soal selidik kajian terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A Demografi peserta kajian, bahagian B tentang pengetahuan guru, bahagian C amalan motivasi sebelum PdPC, Bahagian D berkaitan amalan motivasi semasa PdPC. Kajian kualitatif menggunakan protokol temu bual secara separa berstruktur (Keok et al. 2018). Temu bual separuh berstruktur, pengkaji perlu sediakan soalan utama sahaja. Soalan seterusnya, adalah berdasarkan jawapan daripada pemberi maklumat.

Kajian Rintis

Menurut Chua (2020) kajian rintis atau *pilot study* perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum menjalankan penyelidikan yang sebenar. Kajian rintis ini digunakan untuk menganggarkan kesesuaian atau kemunasabahan sesuatu penyelidikan. Kajian ini telah dijalankan kepada 31 sampel dan terdiri daripada guru-guru yang tidak digunakan sebagai sampel dalam kajian sebenar.

Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen kajian

Kesahan kandungan soal selidik disemak oleh tiga orang pakar bidang pendidikan dan psikologi. Nilai kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha) keseluruhan instrumen ialah **0.96**, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Nilai ini memberi interpretasi bahawa item-item yang digunakan mempunyai ketekalan dalaman yang amat baik.

Prosuder kajian

Kajian Soal selidik melibatkan 377 sampel manakala Protokol temu bual melibatkan 5 peserta kajian. Pengkaji terlebih dahulu memohon Dokumen Pengesahan Status Pelajar daripada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM, EPRD, PPD Kinta Selatan dan sekolah-sekolah yang terlibat.

Analisis Data

Data kuantitatif dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27 untuk mendapatkan statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan inferensi (korelasi Pearson, ujian-t, dan ANOVA). Data kualitatif pula dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik Braun & Clarke (2006) bagi mengenal pasti tema utama berkaitan strategi dan cabaran guru dalam penerapan elemen.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan Kajian

Dapatan Demografi Kajian Kuantitatif

Analisis frekuensi dan peratusan responden mengikut jantina menunjukkan responden kajian ini seramai 377 orang guru (100.0 %) yang terdiri daripada 95 orang lelaki iaitu sebanyak 25.2 peratus. Jumlah responden perempuan sebanyak 277 orang guru iaitu melibatkan 73.5 peratus daripada keseluruhan responden. Jumlah guru yang bertugas di kawasan bandar ialah 198 guru (52.5%) dan Kawasan luar bandar ialah 176 (46.7%). Jumlah guru yang mengajar Bahasa Melayu sebanyak 126 (33.2%), Bahasa Inggeris 69 (18.3 %), Matematik 54 (14.3%), Sains 23 (6.1%), Pendidikan Islam 62 (16.4%), Bahasa Arab 9 (2.4%) dan lain-lain mata pelajaran 33 (8.8%).

Dapatan Kajian Bagi Persoalan Kajian

Apakah tahap pengetahuan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) guru sekolah rendah?

Terdapat 20 item digunakan untuk menunjukkan tahap pengetahuan guru-guru tentang amalan elemen motivasi dalam PdPc. Jadual 1 menunjukkan nilai Min keseluruhan ialah 3.78 dengan Sisihan Piawai 0.43. berada dalam julat 3.67 hingga 5.00. Oleh itu, Tahap pengetahuan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan RPH guru sekolah rendah berada pada yang tahap tinggi.

Jadual 1. Deskriptif statistik Skor Min Purata Tahap Pengetahuan

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Pengetahuan	377	2.65	5.29	3.78	.43
Valid N (<i>listwise</i>)	377				

Apakah tahap amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) guru sekolah rendah.

Dapatan deskriptif tahap amalan persoalan kajian ini adalah gabungan data skor item bahagian B, C dan D dalam instrumen kajian. Jadual 2 menunjukkan skor min purata tahap amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan RPH guru sekolah rendah dengan Skor Min Purata ialah 4.51 dengan sisihan piawai 0.43 berada dalam julat 3.67 hingga 5.00. berada pada tahap tinggi.

Jadual 2. Deskriptif statistik Skor Min Purata Tahap Amalan

N		Min	Median	Sisihan Piawai	Minimum	Maximum
<i>Valid</i>	<i>Missing</i>					
377	0	4.51	4.50	0.43	2.82	5.45

Adakah terdapat perhubungan antara pengetahuan elemen motivasi dengan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan RPH guru sekolah rendah?

Jadual 2 menunjukkan keputusan analisis data Nilai Pearson r adalah ($n = 377$, $p = <.001$). Nilai Koefisien $r = 0.37$ adalah < 0.05 . Nilai koefisien ($r = 0.37$) adalah signifikan pada paras 0.05 adalah hubungan yang positif. Dapatan ini menolak hipotesis H_0 kerana terdapat perhubungan yang signifikan antara pengetahuan elemen motivasi dengan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan RPH bagi guru sekolah rendah.

Jadual 2. Data Korelasi

		Pengetahuan _Elemen_	Penerapan _Elemen_
		Motivasi	Motivasi
Pengetahuan _Elemen_ Motivasi	<i>Korelasi Pearson</i>	1	.37**
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		<.001
	N	377	377
Penerapan _Elemen_ Motivasi	<i>Korelasi Pearson</i>	.37**	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	<.001	
	N	377	377

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Adakah terdapat perbezaan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) guru sekolah rendah berdasarkan mata pelajaran yang diajar?

Deskriptif statistik Min dan Sisihan Piawai Variabel berdasarkan pengalaman bertugas sebagai guru mata pelajaran. Pengalaman 1 – 5 tahun ($M = 207.13$, $SD = 21.52$), pengalaman 6 – 10 tahun ($M = 208.72$, $SD = 20.64$), pengalaman 11 – 15 tahun ($M = 203.25$, $SD = 20.02$), pengalaman 16 – 20 tahun ($M = 208.85$, $SD = 24.68$), pengalaman 21 – 25 tahun ($M = 200.66$, $SD = 23.79$), pengalaman 26 – 30 tahun ($M = 211.00$, $SD = 21.77$) dan pengalaman 31 tahun ke atas ($M = 211.00$, $SD = 21.77$). Jadual 3 Ujian *Levene Kesamaan Varians (Test of Homogeneity of Variances)* menunjukkan bahawa nilai $p = 0.51$, iaitu menunjukkan Nilai $p > 0.05$. Ini bermakna varian adalah homogenous antara kumpulan tersebut.

Jadual 3. Ujian Levene Kesamaan Ralat Varian (*Levene's Test of Equality of Error Variances^{a,b}*)

		Statistik			
		Levene	df1	df2	Sig.
Penerapan_Elemen_Motivasi	Berdasarkan Min	.88	6	370	.51
	Berdasarkan Median	1.07	6	370	.38
	Berdasarkan Median dan dengan df terlaras.	1.07	6	340.65	.38
	Berdasarkan Min dipangkas	.85	6	370	.53

Menguji Hipotesis nol bahawa varian ralat pemboleh ubah bersandar adalah sama merentas Kumpulan.

a. Pemboleh ubah bersandar : PENERAPAN_ELEMEN_MOTIVASI

b. *Design: Intercept + Pengalaman*

Berdasarkan Jadual 4, ANOVA menunjukkan. $F(6, 370; p = 0.25) = 1.32$. Oleh itu nilai $p > 0.05$. Oleh sebab itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan penerapan elemen motivasi berdasarkan mata pelajaran yang diajar oleh guru-guru di sekolah rendah. Analisis data tahap keyakinan ialah 95.00 %. Dapatan analisis Ujian ANOVA Satu Hala telah menjawab persoalan ke-4 dalam kajian dan telah menolak hipotesis kajian H_0 .

Jadual 4. ANOVA

<i>Ujian Kesan Antara Subjek (Tests of Between-Subjects Effect)</i>							
Pemboleh ubah Bersandar: Penerapan_Elemen_Motivasi							
Sumber	Sumber Jenis Ill	Jumlah Kuasa Dua (Df)	Min dua	Kuasa F	Sig.	Separa Squared	Eta
Model	3694.56 ^a	6	615.76	1.32	.25	.02	
dibetulkan							
Pintasan	12816205.66	1	12816205.66	27371.71	.00	.99	
Pengalaman	3694.56	6	615.76	1.32	.25	.02	
Ralat	173244.45	370	468.23				
Jumlah	16216125.00	377					
Jumlah dibetulkan	176939.00	376					

Adakah terdapat perbezaan kekerapan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) guru sekolah rendah berdasarkan lokasi sekolah?

Jadual 5 Menunjukkan data deskriptif statistik Ujian -t sampel bebas. Jumlah responden bandar ialah 199 dan luar bandar sebanyak 178. Skor min dan sisihan piawai responden bandar ialah 206.19 (1.52) dan responden luar bandar ialah 206.34 (1.64).

Jadual 5. Kumpulan Statistik Ujian -t sampel bebas

	Kawasan sekolah	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat
Penerapan_	Bandar	199	206.19	21.46	1.52
Elemen_	Luar bandar	178	206.34	22.00	1.64
Motivasi					

Jadual 6 menunjukkan Keputusan Ujian Sampel Bebas Ujian – t (*Independent Samples Test*). Ujian ini mengandungi dua bahagian iaitu Ujian Levene dan Ujian -t Kesamaan Min. Ujian Levene bertujuan untuk menentukan sama ada varian kumpulan bandar dan luar bandar adalah homogen atau tidak. Ujian -t bagi kesamaan Min bertujuan untuk menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam Min.

i. Keputusan Ujian Levene

Dapatan Ujian Levene menunjukkan analisis data keseluruhan varian mempunyai nilai $p > 0.84$, $p > 0.05$. Oleh itu, varian bagi kedua-dua kumpulan iaitu kawasan bandar dan luar bandar adalah sekata antara kumpulan (homogenous).

ii. Keputusan Ujian -t Kesamaan Min

Dapatan Ujian -t Kesamaan Min menunjukkan bahawa perbezaan min adalah sebanyak -.15. Statistik menunjukkan bahawa nilai t (375, $p = 0.368.10$) 0.06, maka $p > 0.05$. Oleh itu, ujian -t kesamaan min sampel bebas menunjukkan bahawa perbezaan adalah tidak signifikan. Dapatan Analisis data daripada Ujian - t telah menjawab persoalan ke-5 dan analisis data gagal menolak hipotesis H_0 .

Jadual 6. Ujian - t kesamaan Min sampel Bebas (*Independent Samples Test*)

Ujian	
Levene	
Untuk Kesamaan Varian	Equalit Ujian -t untuk Kesamaan Min

		F	Sig.	T	Df	Kepentingan		Perbedaan Min	Perbedaan Ralat	95% Selang Keyakinan Perbedaan	
						Satu Sisi p	Dua Sisi p			Bawah	Atas
Penerapan_ Elemen_ Motivasi	Varian Sama diandaikan	.04	.84	-	375.6	.47	.95	-.15	2.24	-4.56	4.25
	Varian tidak sama diandaikan			-	368.10	.47	.95	-.15	2.24	-4.56	4.26

Bagaimanakah guru sekolah rendah menerapkan amalan elemen motivasi di dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH)?

Langkah-langkah dalam analisis kualitatif (John W.Creswell and J.David Creswell, 2018). Langkah Pertama, pengkaji perlu menyusun dan menyediakan data untuk dianalisis. Langkah kedua pengkaji perlu membaca atau menyemak semua data. Langkah ke -3 Pengkaji juga perlu membuat *coding*. Akhirnya Langkah ke-4, pengkaji perlu membina deskriptif dan tematik. Peserta kajian kualitatif ialah 5 orang dan telah memberi persetujuan untuk sesi temubual. Pengumpulan data adalah melalui rakaman audio dan mengambil gambar responden.

Dapatan Kajian Kualitatif

Hasil daripada proses pengkodan dan interpretasi data, sebanyak empat tema utama telah dikenal pasti, merangkumi keseluruhan sembilan subtema yang memberikan gambaran menyeluruh terhadap pendekatan guru dalam merancang pengajaran. Tema pertama ialah Penetapan Objektif dan Hasil Pembelajaran yang Memotivasikan, yang merangkumi dua subtema iaitu penyesuaian objektif dengan tahap keupayaan murid serta pernyataan hasil pembelajaran yang jelas dan positif.

Tema kedua ialah Perancangan Aktiviti Pembelajaran yang Menyeronokkan dan Memotivasikan, dengan dua subtema yang dikenal pasti: aktiviti berdasarkan minat murid serta aktiviti set induksi dan penutup yang menarik. Tema ketiga pula ialah Perancangan Aktiviti Penilaian yang Menyokong Motivasi, merangkumi dua subtema, iaitu refleksi murid sebagai penilaian sendiri dan penilaian berbentuk dorongan serta sokongan positif. Tema keempat ialah Penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan Suasana Fizikal yang Menyokong Motivasi, yang terdiri daripada dua subtema: pemilihan BBM yang menarik,

terkini dan mesra murid serta catatan tentang susun atur kelas dan unsur visual yang dirancang dalam RPH.

Rumusan Dapatan Kajian Kualitatif

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa elemen motivasi telah dirancang dan disepadukan secara sistematik dalam RPH. Hal ini menggambarkan komitmen guru terhadap amalan pengajaran yang efektif, menyeluruh dan berpusatkan murid, seterusnya memperkukuh peranan RPH sebagai dokumen profesional yang mendasari keberkesanan pengajaran harian di sekolah rendah.

Kesimpulan

Daripada keseluruhan dapatan data yang diperolehi, menjelaskan bahawa amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan RPH guru sekolah rendah adalah amat baik. Jadual 7 menunjukkan keputusan analisis data kajian kuantitatif dan hipotesis yang berjaya ditolak atau tidak berjaya.

Jadual 7. Jadual Keputusan Hipotesis

Persoalan Kajian	Hipotesis Kajian	Statistik Kajian	Keputusan Hipotesis
a. Apakah tahap pengetahuan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) bagi guru sekolah rendah?	-	Analisis Deskriptif	Tahap Tinggi
b. Apakah tahap amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) bagi guru sekolah rendah?	-	Analisis Deskriptif	Tahap Tinggi
c. Adakah terdapat perhubungan antara pengetahuan elemen motivasi dengan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan RPH guru sekolah rendah.	Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan elemen motivasi dengan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan RPH guru sekolah rendah.	Korelasi	Tidak
d. Adakah terdapat perbezaan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian	Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan penerapan elemen motivasi di dalam	Ujian ANOVA satu hala	Tidak

Persoalan Kajian	Hipotesis Kajian	Statistik Kajian	Keputusan Hipotesis
(RPH) bagi guru sekolah rendah berdasarkan mata pelajaran yang diajar?	rancangan pengajaran harian (RPH) bagi guru sekolah rendah berdasarkan mata pelajaran yang diajar.		
e. Adakah terdapat perbezaan kekerapan amalan penerapan elemen motivasi di dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) bagi guru sekolah rendah berdasarkan lokasi sekolah?	Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan penerapan motivasi di dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi guru sekolah rendah berdasarkan lokasi sekolah.	Ujian-t	Tidak
f. Bagaimanakah guru sekolah rendah menerapkan amalan motivasi dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH)?	-	Analisis Tematik	

KESIMPULAN

Pengenalan dan Ringkasan Kajian

Perbincangan mengenai hasil dapatan kajian adalah berdasarkan enam persoalan kajian berikut.

Apakah Tahap pengetahuan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) bagi guru sekolah rendah?

Dapatan yang diperoleh menunjukkan tahap pengetahuan guru-guru tentang tahap amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan pengajaran harian (RPH) berada pada tahap yang tinggi. Peratusan rumusan skor tahap rendah sebanyak 25%, tahap sederhana 25% dan 50% untuk tahap tinggi. Impak daripada kajian ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman guru-guru di sekolah dalam aspek amalan penerapan elemen motivasi.

Apakah tahap amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) bagi guru sekolah rendah?

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap amalan guru-guru dalam penerapan elemen motivasi adalah pada tahap tinggi secara keseluruhan. Rumusan skor tahap tinggi mencatatkan 79.41 % skor. Tahap rendah 17.65 % dan tahap sederhana mencatatkan 2.94 %. Impak daripada kajian ini guru-guru perlu didedahkan kepada konsep elemen motivasi secara menyeluruh.

Adakah terdapat perhubungan antara pengetahuan elemen motivasi dengan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan RPH guru sekolah rendah?

Dapatan kajian ini menggunakan pendekatan korelasi iaitu merupakan data yang menunjukkan perhubungan antara dua pemboleh ubah. Analisis korelasi menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pengetahuan guru-guru tentang elemen motivasi memberi kesan yang amat baik terhadap amalan penerapan elemen motivasi dalam PdPc. Impak kajian ini memberi kesan terhadap peningkatan pengetahuan guru-guru tentang amalan penerapan elemen motivasi dengan lebih menyeluruh dalam penyediaan RPH.

Adakah perbezaan amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) bagi guru sekolah rendah berdasarkan mata pelajaran yang diajar?

Dapatan kajian ujian ANOVA Satu Hala dan memaparkan output deskriptif, *Test of Homogeneity* dan ANOVA. Data deskriptif menunjukkan bahawa hampir keseluruhan skor min ialah 4.0 ke atas. Manakala, *Test of Homogeneity* nilai $p > 0.05$ yang menggambarkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan. Sementara itu, ujian ANOVA menunjukkan bahawa Nilai F (6,370; $p > 0.05$) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara dalam amalan penerapan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan mengajar harian (RPH) guru sekolah rendah berdasarkan mata pelajaran yang diajar.

Adakah terdapat perbezaan kekerapan amalan penerapan elemen motivasi di dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH) bagi guru sekolah rendah berdasarkan lokasi?

Dapatan kajian ini adalah melalui Ujian-t tidak bersandar atau bebas menghasilkan data deskriptif statistik dan *Independent Samples Test*. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 199 sampel dari kawasan bandar dan 178 dari kawasan luar bandar. Ujian -t bagi kesamaan Min menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam min. Demikian juga dengan Ujian Levene menunjukkan kawasan bandar dan luar bandar adalah homogenous.

Bagaimanakah guru sekolah rendah menerapkan amalan elemen motivasi dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH)?

Sampel satu merumuskan bahawa kajian ini sesuai dilaksanakan di sekolah-sekolah. Manakala sampel dua menyifatkan bahawa aspek pengurusan sesebuah sekolah adalah penting supaya guru-guru berminat hadir ke sekolah dan murid-murid dibentuk minat untuk belajar. Selain itu, sampel tiga menjelaskan kajian ini berupaya membantu murid-murid dan guru-guru di sekolah-sekolah. Selain itu, menyifatkan bahawa kajian ini sebagai idea baharu yang sesuai dijayakan oleh warga guru. Manakala, sampel ke empat kajian ini berharap dapat membantu sekolah-sekolah menyelesaikan masalah gangguan pembelajaran akibat Covid.19.

Peserta akhir kajian menyatakan bahawa motivasi dalaman dan luaran adalah perlu untuk membantu murid-murid di sekolah.

Implikasi Kajian

Kajian ini memberi kesan positif terhadap murid-murid kerana dapat belajar dengan sukses dan dipupuk minat terhadap semua mata pelajaran. Aspek pengurusan keperluan asas dan pengurusan gangguan oleh guru-guru dijangka dapat membantu murid-murid dalam menguruskan emosi dan tingkah laku. Seterusnya, Kajian ini berupaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam merancang rutin harian khususnya semasa penyediaan RPH. Oleh itu, kecemerlangan sesebuah sekolah tidak lagi berdasarkan lokasi sebaliknya adalah berasaskan keupayaan guru-guru dalam membudayakan amalan penerapan elemen motivasi kepada murid-murid. Kajian ini boleh dilaksanakan kepada guru-guru dari negeri-negeri lain, guru-guru di sekolah-sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi. Dengan itu, wujud kesinambungan amalan penerapan elemen motivasi di sekolah rendah dan sekolah menengah serta universiti.

Kesimpulan

Hasil kajian ini telah dianalisis secara saintifik dan jelas memaparkan bahawa guru-guru mempunyai pengetahuan dan mengamalkan aspek elemen motivasi semasa PdPc. Tinjauan mendapati bahawa tahap pengetahuan dan tahap amalan penerapan elemen motivasi guru sekolah rendah berada dalam persepsi yang amat baik. Diharapkan kajian ini dapat membantu dan meningkatkan lagi pemahaman dan kecekapan guru-guru tentang aspek amalan penerapan elemen motivasi untuk diaplikasi dalam penyediaan RPH.

RUJUKAN

- Ahmad Subki Miskon, & Syed Ismail Syed Mustapa. (2013). *Murid dan alam belajar*. Freemind Horizons.
- Ainon Mohd. Khairulaniza Khairuddin. (2023). *Teach like Muhammad*. PTS Publishing.
- Annaliza Mohd. Isa, Al-Amin Mydin, & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2021). LiNuSR: Impak pengurusan bilik darjah di sekolah kebangsaan. Universiti Sains Malaysia. Researchgate, 2289-9669.1-4. <https://jier.um.edu.my>
- Anuar Ahmad. (2021, September). RMK-12: Fokus pemulihan pendidikan pasca Covid-19. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com.rmkl>
- Azizi Jaafar. (2019). *Asas pembangunan kurikulum dalam pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajilin Tawan, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Mohd. Malik Tu, & Norlijah Watinin. (2020). Hubungan motivasi, kecerdasan emosi dan efikasi dengan kepuasan kerja guru di sekolah rendah. *International Research Journal of Education and Science (IRJES)*, 2550-2158.3-4. <https://eprints.ums.edu.my>.

- Chua, Y. P. (2020). *Mastering research methods*. McGraw-Hill Education.
- Coombs, B. (2010). *Mengajar secara efektif* (Siti Aisyah M. E., Trans.). Institut Terjemahan Negara Malaysia & Institut Aminuddin Baki.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE.
- Gadella Kamstra, L. (2020). *Analysis of EFL teachers' (de) motivation and awareness in Spain* (Doctoral dissertation, University of Essex). British Library EThOS. <https://ethos.bl.uk/OrderDetails.do?uin=uk.bl.ethos.802408>
- Haigh, A. (2016). *Seni mengajar: Idea hebat, peraturan mudah* (Siti Anidah Mahadi & Jamalludin Ismail, Trans.). Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Hanlon, M. (2015). *Teacher and student motivation in the classroom* (Master's thesis, Southern Illinois University Edwardsville, United States). ProQuest Dissertations Publishing. <https://www.proquest.com/dissertations-theses/teacher-student-motivationclass>
- Hazahari Ismail. (2021, Mac). Covid-19 antara punca utama kemahiran 3M murid terjejas. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my>
- Ishak Abdulhak, & Dani Parmawan. (2017). *Teknologi pendidikan*. Synergy Media.
- Johnakin-Putnam, S. (2020). *The impact of teacher intrinsic and extrinsic motivation on teacher self-efficacy* (Doctoral dissertation, Liberty University, United States). Liberty University Digital Commons. <https://digitalcommons.liberty.edu/doctoral/2618>
- Jabatan Pendidikan Negeri Perak. (2023). *Senarai sekolah bandar dan luar bandar*. eOperasi.
- Kaori, O., & Montonori, T. (2010). *Pendidikan moden Jepun* (Faridah M., Trans.). Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. (1999). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999*. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my>
- Khairiyah Ibrahim. (2012, Ogos). Psikologi pendidikan: Konsep motivasi dan jenis-jenis motivasi. *My Cikgu Prihatin*. <http://mycikguprihatin.blogspot.com/2021/08/konsep-motivasi-dan-jenis-jenis-motivasi.html>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 22. <https://www.moe.gov.my>
- Kumar, S. N. V. (2015). *Guru hebat penjana transformasi pendidikan negara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mager, R. (2010). *Teknik mendorong pelajar belajar tanpa membunuh semangat mereka* (Saat M. Y., Trans.). Institut Terjemahan Negara Malaysia & Institut Aminuddin Baki.
- Mahaya Salleh. (2016). *Keberkesanan latihan praktikum berasaskan kepada perkembangan identiti profesional guru pelatih di institusi* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia). Universiti Sains Malaysia Institutional Repository. <http://eprints.usm.my/id/eprint/31730>
- Mahdzir. (2018, Februari). PAK21 – Bukan bermakna guna teknologi dan gajet semata-mata. *Wardah Communication*.

- Maszuria A. Ghani, Salina Omar, Marina Abdul Majid, & Rosnah A. Rajak. (2014). *Guru dan cabaran semasa*. Freemind Horizons.
- Merriam, S. B. (1998). *Case study research in education: A qualitative approach*. Jossey-Bass.
- Ministry of Education Malaysia. (2020). *Statistik bilangan sekolah, murid & guru*. KPM. <http://www.moe.gov.my/en/statistik-menu/statistik-bilangan-sekolah-murid>
- Muhibbin Syah. (2015). *Psikologi pendidikan*. Synergy Media.
- Nor Asniza Ishak, Hazri Jamil, & Nordin Abd. Razak. (2020). *Pedagogi meningkatkan kualiti intelektual pelajar*. Universiti Sains Malaysia.
- Nur Asniza Ishak. (2015). *Pedagogi guru prauniversiti dalam meningkatkan kualiti intelektual pelajar*. Universiti Sains Malaysia.
- Noraini binti Idris. (2024). Peranan motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Universiti Malaya STEM Center*. <https://app.pandai.org/teacher/lesson/peranan-motivasi-dalam-pengajaran-dan-pembelajaran>
- Noriati A. Rashid, Pong Y. B., & S. Fakhriah S. Ahmad. (2017). *Siri pendidikan guru: Murid dan pembelajaran*. Oxford Fajar.
- Pushpavalli, A., Norain Md. Nor, V. Murali, T., Velloo, R., & Mohd. Roslan Abd. Razak. (2015). *Teacher & current challenges*. Pelangi Profesional.
- Royal, E. L. (2018). *The impact of teacher motivation in promoting academic achievement among African American male students* (Doctoral dissertation, Liberty University, United States). Liberty University Digital Commons. <https://digitalcommons.liberty.edu/doctoral/1801>
- Ryczek, K. (2018). *Implementation of technology in the primary grades: Transformational leadership and teacher motivation* (Doctoral dissertation, Georgia State University, United States). ScholarWorks @ Georgia State University. https://scholarworks.gsu.edu/eps_diss
- Tri Rumhadi. (2017). Urgensi motivasi dalam proses pembelajaran. *Inovasi: Jurnal Diklat Keagamaan*, 11(1), 33–41. <https://bdksurabaya.e-journal.id>
- Turner-Bisset, R. (2010). *Pengajaran pakar* (M. Fauzi Y., Trans.). Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad & Institut Aminuddin Baki.